

Bomba cipta alat MRT dengan kos hanya RM750

SINAR ONLINE | 18 November 2019



Pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Terengganu bersama MRT yang menjadi kebanggaan mereka.

KUALA TERENGGANU - Kerap mengendalikan kes mangsa terperangkap di hutan dan gunung mendorong sekumpulan pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Terengganu untuk mencipta alat menyelamatkan pelbagai fungsi (MRT).

Lebih istimewa, MRT merangkumi enam alat dalam satu beg yang mudah dibawa secara 'backpack' iaitu kerusi roda, 'stretcher', tangga, tangga sigar, galah dan 'camp bed'.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Terengganu, Timbalan Penguasa Bomba Rozidah Abni Hajar berkata, MRT amat penting dan berguna kepada pasukan penyelamat apabila terpaksa berdepan dengan situasi kecemasan tetapi jentera pasukan tidak dapat masuk ke lokasi.

"Kita selalu berdepan dengan situasi peserta 'hiking' atau rekreasi yang cedera atau terperangkap di kawasan hutan atau gunung. Ada kalanya lokasinya jauh ke dalam, tapi kita tidak tahu bagaimana keadaan mangsa atau tahap kecederaan yang dialami.

"Ia memberikan kami idea semasa mencipta MRT ini. Kita membangunkannya bermula Februari lalu dan mula menggunakannya bulan lalu. Alat ini juga telah menjalani proses uji cuba dengan beberapa agensi berkaitan seperti Angkatan Pertahanan Awam Negeri Terengganu, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia Negeri Terengganu (Jupen) dan Persatuan Penggerak Rekreasi Negeri Terengganu," katanya ketika dihubungi Sinar Harian hari ini.

Mengulas lanjut Rozidah yang bertindak sebagai penasihat bagi projek itu berkata, MRT dibangunkan bersama PBK II Mokhtar Dollah (fasilitator), PBK II Ismail A Wahab (ketua kumpulan) dan PB Yusman Ali, PB Mohamed Yusof Yassin, PB Mohd Hasmawi Hashim, PB Azhar Mohamed, PB Syahmi Roslam, PB Mohd Ghazali Mahmood, PB Mohd Azam Sulaiman dan PB Mohd Faizal Mohd Yusof.